

Belanjawan 2016 Cabaran Perintis Hala Tuju RMK-11



BELANJAWAN 2016 yang bakal dibentangkan oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak yang juga Menteri Kewangan, pada 23 Oktober 2015, sememangnya amat bermakna bagi rakyat Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana buat julung-julung kalinya Dato' Sri Mohd. Najib berkenan membuka peluang menerima sumbangan idea dan cadangan daripada seluruh rakyat Malaysia. Belanjawan yang berwawasan amat bermakna untuk dikemukakan dalam senario ekonomi dunia kini serta yang lebih munasabah bagi menentukan kepesatan pembangunan dan mencapai hala tuju negara. Bagi menangani cabaran ekonomi semasa, Jawatankuasa Khas Ekonomi ditubuhkan oleh kerajaan yang dipengerusikan oleh

Dato' Seri Abdul Wahid Omar di bawah penyeliaan Unit Perancangan Ekonomi.

Untuk mendapat maklum balas mengenai kedudukan ekonomi dan kewangan negara, beberapa perbincangan diadakan bersama-sama pihak yang berkepentingan bagi membolehkan kerajaan merumuskan langkah proaktif yang perlu diambil demi diagnostik yang tepat dan komprehensif. Langkah ini sangat penting untuk mengurangkan impak ketidaktentuan ekonomi global dan menstabilkan pasaran kewangan terhadap ekonomi benar negara.

Terdapat tiga cabaran utama yang dikenal pasti yang bakal dihadapi pada tahun 2016, antaranya termasuklah faktor luaran yang menjejaskan

keseluruhan dunia. Jangkaan peningkatan kadar faedah dan pengukuhan nilai mata wang dolar Amerika berikutan perkembangan ekonomi di Amerika Syarikat (AS) telah menarik keluar aliran pelaburan yang sebelum ini memasuki pasaran negara membangun. Perkara ini juga dapat dilihat melalui tekanan yang mempengaruhi harga minyak Brent yang jatuh kepada AS\$48 setong pada 10 September 2015 daripada AS\$100 setong pada pertengahan tahun 2014. Penurunan sebanyak 52 peratus ini juga mengakibatkan nilai tukaran ringgit terjejas kerana Malaysia merupakan pengeksport bersih minyak dan gas.

Pelaksanaan lindung nilai dengan mempelbagaikan dagangan serta menangani kerugian bertujuan untuk menampai ketidaktentuan ekonomi China yang perlahan. Penurunan nilai mata wang Renminbi turut memberikan kesan yang ketara kerana China ialah rakan dagangan utama Malaysia. Asas ekonomi Malaysia tetap kukuh walaupun berhadapan dengan cabaran bersandarkan model baharu ekonomi yang berteraskan kemapanan, keterangkuman, dan pendapatan tinggi yang dirangka untuk ke arah mencapai status negara maju.

Matlamat tersebut mampu direalisasikan sekiranya sasaran pendapatan AS\$15 ribu per kapita dan kadar pertumbuhan manap enam peratus menjelang tahun 2020 berjaya dicapai. Namun demikian, tidak dinafikan bahawa faktor dan sentimen dalaman semasa juga memainkan peranan yang penting apabila sesetengah pihak mempolitikkan isu tertentu yang boleh menjejaskan matlamat tersebut.


Sementara itu, pergantungan terhadap eksport komoditi dan usaha untuk mempelbagaikan barisan produk eksport merupakan cabaran kedua negara. Dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10), pertumbuhan dari tahun 2011 hingga tahun 2015 ialah 5.3 peratus hasil pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi. Langkah mempelbagaikan struktur ekonomi Malaysia dan mengurangkan pergantungan terhadap komoditi mampu mencapai sasaran pengurangan kepada 15 peratus menjelang tahun 2020 dengan peralihan sebahagian besar dipacu oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan yang memfokuskan industri elektrik dan elektronik, dengan kedua-duanya menyumbang dua per tiga kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Bagi mengurangkan pergantungan tersebut, beberapa langkah bakal dilaksanakan oleh kerajaan untuk membangunkan produk ikonik negara. Melalui kaedah Perkongsian Awam - Swasta bermula pada tahun 2016 dengan dana RM220 juta, produk pelancongan berasaskan kebudayaan dan warisan yang akan dilaksanakan, berupaya memberikan nafas baharu kepada Muzium Negara, Tugu Negara dan Taman Tasik Perdana serta menambah baik penyumbangannya dengan KL Sentral. Pembangunan bersepadu Desaru Coast Destination Resort bakal menjadi pencetus infrastruktur yang holistik mengukumi pembangunan hotel, taman tema air, pusat persidangan serta pembangunan rumah percutian dan perkampungan membeli-belah.

Cabaran ketiga ialah kemasukan dana ke dalam ekonomi pesat membangun yang berkemungkinan tidak memberikan manfaat kepada pasaran. Beberapa tindakan susulan perlu diberikan perhatian oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC). Antaranya termasuklah usaha menahirkah keuntungan daripada pelaburan mereka di luar negara untuk dilaburkan di dalam negeri dalam projek yang

Penurunan nilai mata wang Renminbi turut memberikan kesan yang ketara kerana China ialah rakan dagangan utama Malaysia.

Graduan tempatan dijangkakan berdepan dengan situasi yang agak sengit untuk mendapatkan pekerjaan pada tahun 2016.



mempunyai nilai pengganda yang tinggi bagi memastikan kestabilan pasaran kewangan. Kerajaan bakal mengaktifkan semula ValueCap dengan dana sebanyak RM20 bilion untuk menyokong aktiviti perniagaan. ValueCap berjaya menjanakan pulangan yang tinggi kepada pemegang sahamnya. Entiti ini berperanan untuk menyokong saham yang di bawah nilai pasaran dan didapati berkesan bagi menstabilkan pasaran ekuiti. Kerajaan perlu sedar peralihan dana asing secara drastik ke luar akan meningkatkan kos input yang diimport dan keperluan modal kerja.



Tidak dinafikan bahawa usahawan kecil juga bakal menerima tempas cabaran ekonomi pada tahun 2016. Untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS), Skim Jaminan Modal Kerja akan ditingkatkan bagi jaminan untuk sektor perkhidmatan dan terdapat tambahan dana jaminan untuk sektor-sektor lain. Pengecualian duti eksport yang terdiri daripada alat ganti, bahan guna habis dan peralatan penyelidikan yang tidak dikeluarkan di dalam negara bakal diperluas, terutamanya dalam sektor perkilangan.

Dalam pada itu, melalui Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (SPPK) di Bank Negara Malaysia, PKS boleh memohon untuk menstrukturkan dan menjadualkan semula pinjaman perniagaan daripada institusi pembiayaan sekiranya perlu. Pelarasan sedemikian bakal melonjakkan keberhasilan dan keuntungan syarikat kesan penjimatan kos operasi tahunan daripada kemudahan tersebut.

Dana Pelaburan Strategik Domestik (DISF) akan diteruskan dengan peruntukan tambahan untuk merencanakan pelaburan domestik dan asing di Malaysia dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11). Usaha mewujudkan syarikat domestik kepada industri yang bernilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi, berintensif pengetahuan dan berasaskan inovasi akan lebih efisien dengan penggunaan dana tersebut selari dengan pemantauan berkala agar tidak berlaku ketirisan bagi mencapai matlamatnya.

Untuk menangani kenaikan kos sara hidup, terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah,

Kedua-dua mercu tanda ini akan diberi nafas baharu untuk menyokong sektor pelancongan negara.



perancangan menambah bilangan kedai yang menyediakan perkhidmatan dan barangan mampu milik dengan harga berpatutan bakal diperluas secara lebih agresif ke bandar dan kawasan pedalaman. Beberapa buah lagi kedai runcit akan digalakkan menyertai Kedai Rakyat 1Malaysia, Kedai Kain 1Malaysia, Menu 1Malaysia dan Kedai Buku 1Malaysia sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menangani inflasi dan menggalakkan pemacuan ekonomi domestik. Pelaksanaan ini tidak akan berhasil sekiranya tiada kesepaduan dalam kalangan rakyat dan pemimpin untuk menyokong dasar membeli barangan buatan tempatan.

Selain itu, untuk memastikan kesejahteraan rakyat, kerajaan dilaporkan akan mempercepat pembinaan rumah mampu milik. Beberapa inisiatif kerjasama Bank Simpanan Nasional dan Kementerian Kewangan Malaysia mewujudkan Skim Perumahan Belia untuk pasangan berumur 25 tahun hingga 40 tahun yang sudah berkahwin untuk memiliki rumah pertama mereka. Yang menariknya tentang skim ini, insentif selama dua tahun akan diberikan sebanyak RM200 sebulan bagi menampung ansuran bulanan pinjaman. Hal ini dikatakan hanya terpakai untuk nilai harta tanah antara RM100 ribu hingga RM500 ribu yang ditawarkan kepada pasangan berpendapatan bulanan yang kurang daripada RM10 ribu.

Di samping itu, isu pengangguran juga dijangkakan mengalami peningkatan pada tahun

2016 tetapi pada tahap terkawal, terutama dalam kalangan graduan. Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) dan Skim Pengurusan Kebolehpasaran Graduan (GEMS) bakal ditingkatkan bagi memperluas kebolehpasaran graduan. Semua kos yang berkaitan akan ditampung oleh GLC dan sektor swasta sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat mereka. Latihan dari aspek komunikasi, bahasa, serta teknologi maklumat dan telekomunikasi (TMK) akan diberikan bersesuaian dengan bidang yang diceburi oleh graduan. Bagi melaksanakan program latihan semula dan peningkatan kemahiran pekerja yang diberhentikan oleh majikan yang berdaftar, penggunaan Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) akan diperluas dan dipertingkatkan.

Ibu dalam juga memainkan peranan penting untuk menghadapi cabaran pada tahun 2016. Bagi meningkatkan integriti institusi pelabur dan mengekalkan keyakinan rakyat, pendekatan yang telus dan mesra pasaran hendaklah ditangani secara menyeluruh. Pelaksanaan pelupusan kepentingan 1MDB dalam syarikat Edra Global Energy melalui proses bidaan terbuka, iaitu semua tawaran yang diterima termasuk dari luar negara kini berada dalam peringkat terakhir, sekali gus mencerminkan nilai pasaran. Kerajaan sememangnya komited menyelesaikan penyiasatan berhubung dengan pelaburan 1MDB secara telus selari dengan pendekatan yang diguna pakai dalam pembangunan bandar Malaysia.

Analisis Unit Perancang Ekonomi juga mendapati aliran keluar tunai mengalami peningkatan sebagai akibat peningkatan bilangan pekerja asing kurang mahir dan kesannya memang melembapkan pertumbuhan kadar upah tempatan. Dalam belanjawan 2016, kerajaan dilaporkan akan meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terbawah bagi mengimbangi perbezaan kadar upah semasa rakyat secara keseluruhannya.

Projek pembangunan yang berupaya menjanakan peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi dan kandungan tempatan yang besar serta mempunyai nilai pengganda akan disusun semula dengan keutamaan diberikan mengikut keperluan semasa. Penyampaian perkhidmatan kerajaan tidak akan terjejas sejajar dengan perbelanjaan optimum yang bakal dilaksanakan.

Pelaksanaan konsolidasi fiskal untuk mencapai sasaran defisit fiskal yang lebih rendah sebanyak 3.2 peratus kepada KDNK pada tahun ini berbanding dengan yang dicatatkan pada tahun sebelumnya menunjukkan adanya pelaksanaan langkah proaktif oleh kerajaan. Sebagai contoh, Bank Negara Malaysia akan sentiasa meminimumkan kesan daripada ketidaktentuan ekonomi global dan memantau perkembangan domestik semasa agar kerajaan dapat meneruskan konsolidasi fiskal pada tahun ini dan tahun seterusnya. Bagi memperkukuh daya saing ekonomi negara bagi menghadapi cabaran global dan domestik, kerajaan juga merangka pelan tambahan dalam belanjawan 2016 agar dapat memastikan kesejahteraan hidup rakyat diutamakan.

Walaupun apa-apa jua anak dan ranjau yang bakal ditempuhi kelak, rakyat sewajarnya tidak mudah melatah dengan segala rintangan di luar jangkaan yang dihadapi. Di sinilah pentingnya semangat perpaduan yang utuh, selain para pemimpin juga perlu mendengar denyut nadi rakyat agar Wawasan 2020 yang dirancang dapat dicapai, sekali gus meletakkan ekonomi Malaysia di mercu kegemilangan. **de**

Latihan dari aspek komunikasi, bahasa, serta teknologi maklumat dan telekomunikasi (TMK) akan diberikan bersesuaian dengan bidang yang diceburi oleh graduan.

Kerajaan perlu sedar peralihan dana asing secara drastik ke luar akan meningkatkan kos input yang diimport dan keperluan modal kerja.